

ANTARA wakil peneroka menghantar memorandum bantahan, semalam.



'Kami sanggup bayar permit'

Peneroka rayu kerajaan negeri tidak ambil tanah diusaha sejak 70 tahun lalu

Oleh Nur Saliawati Salberi

hmetroshahalam@hme-tro.com.my

Shah Alam

Kira-kira 100 wakil peneroka Tanah Parit 14/15, Simpang 5, Sungai Panjang, di sini merayu supaya kerajaan negeri Selangor tidak mengambil tanah yang mereka usahaikan selama hampir 70 tahun.

Mereka adalah wakil daripada 300 perieroka yang hadir ketika menghantar memorandum bantahan berkaitan pengumuman Kerajaan Negeri Selangor mengenai Pengambilalihan Tanah Hutan Simpan Sungai Karang kepada Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, di hadapan pintu masuk Bangunan Setiausaha

Kerajaan Negeri (SUK), di sini, semalam.

Bagaimanapun, selepas berhimpun 45 minit, seorang pegawai kerajaan negeri turun mengambil memorandum berkenaan pada jam 11.30 pagi.

Pengerusi Pekebun-Pekebun Kecil Simpang 5, Sungai Panjang, Zulkifli Zakaria berkata, tanah kebun itu diusahakan sejak 1948 lagi oleh nenek moyang mereka.

"Tanah ini diusahakan sejak bergenerasi lalu iaitu ketika zaman nenek moyang kami lagi. Mengapa baru sekarang kerajaan negeri yang baru memerintah tidak sampai dua penggal mahu mengambil alih."

"Kami mendapat tahu tanah yang mereka akan ambil daripada orang Melayu ini akan dipajak kepada pihak

tertentu untuk tempoh 100 tahun, jadi adiklah untuk kami?" katanya.

Menurutnya, pada 12 April lalu, satu majlis dialog dan penerangan sepatutnya diadakan bagi memberi penjelasan mengenai isu berkenaan, tetapi ia dibatalkan.

"Seandainya kerajaan negeri perlukan kewangan, peneroka sanggup membayar permit seperti diberitahu wakil Jabatan Perhutanan yang mensyaratkan setiap permit yang dimohon dikenakan bayaran RM60 setahun bagi setiap ekar tanah," katanya.

Wakil peneroka, Adros Mohamad, 50, berkata, jika tanah itu diambil alih, mereka akan kehilangan punca pendapatan berikutnya itu sumber utama mereka sejak puluhan tahun lalu.